



UPNM HOLDINGS

UPNM HOLDINGS SDN BHD [A Wholly-owned subsidiary by Universiti Pertahanan Nasional Malaysia]
No. Sykt: 909779 - W

Address: Aras Bawah, Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sg. Besi 57000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel +603-9051 3400

Fax +603 - 9051 2500

**UPNM HOLDINGS SDN. BHD.
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
KEM SUNGAI BESI, 57000 KUALA LUMPUR**

Ruj. Kami : UPNMHSB 04.06/13 (234)
Tarikh : 05 Jun 2024

PENGUMUMAN

**SEBUTHARGA NO: UPNMHSB 04.06/13 (234) – TAWARAN SEWAAN PREMIS
PERNIAGAAN KIOSK 4 DI KOLAM RENANG, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA**

Dengan ini kami ingin mempelawa syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan yang berkaitan (ROB/ROC/Lesen Penjaja) untuk menawarkan sebutharga bagi perolehan di atas. Sila bawa bersama dokumen sebutharga, sijil-sijil asal yang berkaitan dan salinan sijil-sijil tersebut.

KENYATAAN TAWARAN

1. KIOSK 4

Untuk makluman, kadar **sewa bulanan ditetapkan sebanyak RM750.00** sebulan, bayaran utiliti mengikut penggunaan dan perlu bayaran deposit sewaan bagi tiga (3) bulan iaitu sebanyak **RM2,250.00 dan deposit utiliti sebanyak RM225.00**. Pihak UPNM Holdings Sdn. Bhd. (UPNM HOLDINGS) akan membuat bayaran balik deposit tersebut setelah tamat tempoh kontrak. Tawaran adalah dipelawa daripada kalangan warganegara Malaysia yang berminat untuk mengendalikan Premis Perniagaan Kiosk 4 bagi tempoh satu (1) tahun mulai Jun 2024.

2. Sebutharga yang lengkap dan dokumen berkaitan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang bertanda **SEBUTHARGA NO : UPNMHSB 04.06/13 (234)** dan dimajukan terus ke alamat tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari, 13 Jun 2024 (Khamis)**.

**UPNM Holdings Sdn. Bhd.
d/a Aras Bawah, Bangunan Kasturi
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur**

TERMA DAN SYARAT SEWAAN RUANG PERNIAGAAN DI DALAM KAMPUS UPNM

1. Pengusaha dibenarkan membawa peralatan dan barang-barang sendiri ke dalam premis perniagaan.
2. Pengusaha perlu menyediakan peralatan seperti pinggan, mangkuk, cawan, dan gelas yang menggunakan sekurang-kurangnya material melamine. Pengusaha tidak dibenarkan menggunakan peralatan dengan material plastik.

3. Pengusaha dibenarkan memasak dan dibenarkan membawa peralatan untuk memanaskan makanan.
4. Pengusaha perlu memajukan jenis makanan/minuman yang akan dijual di premis.
5. Semua harga perkhidmatan/makanan hendaklah dipamerkan di premis.
6. Pengusaha perlu bertanggungjawab terhadap kebersihan premis dan persekitarannya.
7. Pengusaha tidak dibenarkan membuang sisa-sisa makanan di kawasan premis dan semua gris trap yang disediakan perlu dibersihkan setiap minggu.
8. Setiap pekerja yang berada di premis diwajibkan memakai pakaian seragam syarikat, menutup kepala bagi pekerja di bahagian penyediaan makanan/minuman dan berkasut tertutup serta diwajibkan mendapat suntikan typhoid bagi tujuan memastikan mereka terlindung dari sebarang penyakit yang boleh memudaratkan pelanggan.
9. Pengusaha perlu bertanggungjawab 100% terhadap sebarang kerosakan peralatan dan barangan yang disediakan oleh pihak UPNM HOLDINGS dalam premis terbabit.
10. Pengusaha perlu bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan ruang disewa.
11. Pengusaha perlu bertanggungjawab menjaga harta benda yang terdapat di premis.
12. Sebarang kerosakan terhadap peralatan dan barangan perlu dibuat aduan kepada UPNM HOLDINGS.
13. Pengusaha hendaklah memberi kebenaran kepada pihak UPNM HOLDINGS untuk mengadakan pemeriksaan ke tempat memasak Pengusaha bagi memastikan tahap kebersihan dan kualiti makanan yang dijual pada bila-bila masa.
14. Pihak UPNM HOLDINGS berhak mengenakan caj jika aspek kebersihan tidak dipatuhi oleh Pengusaha.
15. Pihak UPNM HOLDINGS berhak menamatkan kontrak sewaan dengan notis 30 hari jika pihak UPNM HOLDINGS mendapati Pengusaha tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.
16. Pengusaha perlu membuat pembayaran kepada Pegawai Akaun UPNM HOLDINGS mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh UPNM HOLDINGS.
17. Pihak UPNM HOLDINGS akan mengenakan deposit 3 bulan bagi sewaan ruang dan deposit utiliti.
18. Permohonan pas keselamatan Kem Sungai Besi adalah tanggungjawab Pengusaha.
19. Pengusaha perlu menjalankan operasi setiap hari walaupun ketiadaan pelajar.
20. Sebarang penutupan operasi premis perniagaan, pengusaha dikehendaki memaklumkan secara bertulis kepada UPNM HOLDINGS dalam masa 3 hari dan pihak UPNM HOLDINGS dibenarkan mengenakan caj jika tiada notis penutupan di beri.

Dokumen tawaran boleh didapati di UPNM Holdings Sdn. Bhd., Aras Bawah, Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mulai **tarikh iklan ini dikeluarkan**. Bayaran akan dikenakan sebanyak **RM 20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja)** bagi setiap dokumen

semasa penyerahan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk tunai yang tidak dikembalikan. Dokumen Tawaran dan Sebutharga yang lengkap serta dokumen berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang bertanda **SEBUTHARGA NO: UPNMHSB 04.06/13 (234)** dan dimajukan terus kepada UPNM Holdings Sdn. Bhd. di alamat Aras Bawah, Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari, 13 Jun 2024 (Khamis)**.

Setiap dokumen tawaran perlu disertakan maklumat seperti di bawah :-


- Salinan kad pengenalan pengusaha dan pekerja
- Salinan kad suntikan typhoid pengusaha dan pekerja
- Salinan sijil SSM
- Salinan sijil vaksin Covid-19 pengusaha dan pekerja
- Salinan 3 bulan penyata akaun terkini syarikat
- Senarai Menu
- RM20.00 wang pemprosesan dokumen tawaran

Keputusan Jawatankuasa sebutharga adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

Catatan : Pihak UPNM HOLDINGS boleh mengeluarkan kenyataan tawaran seperti contoh di atas ataupun terus mendapatkan sebutharga daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pembekal. Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi Puan Nurfaizlia Binti Ahmad Noor talian 03 – 90513400 sambungan 7622182.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ROS SAZALEE BIN SELAMAT
Ketua Pegawai Operasi
UPNM Holdings Sdn. Bhd.